

**Dewan Rakyat: Undang-undang Baru Perlu Ambil Kira Keselamatan Negara
Bernama
5 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Undang-undang baru yang bakal digubal bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 perlu mengambil kira isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan pergaduhan dan mengugut keselamatan negara.

Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas) berkata isu sensitif itu termasuk apa-apa perkara berkaitan agama, kaum, kepentingan Raja-Raja Melayu serta perkara-perkara yang termaktub di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

"Keselamatan tidak ada harganya. Walaupun ada parti-parti politik gunakan isu ini (pemansuhan akta) sebagai modal kempen pilihan raya, kerajaan mesti yakin sesuatu yang dibuat itu adalah untuk kebaikan ramai," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011 di Parlimen, Rabu.

Rang undang-undang itu dibentangkan untuk bacaan kali kedua oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pagi tadi. Rang undang-undang itu kemudiannya diluluskan tanpa sebarang pindaan.

Ibrahim berkata dunia sekarang tidak lagi selamat dan pelbagai perkara boleh berlaku terutama melibatkan penggunaan media baru seperti penghinaan agama, isu kalimah Allah dan sebagainya.

"Bila dah berlaku susah nak ambil tindakan sebab berlaku di media baru. Dulu ISA adalah senjata kita, sekarang tak boleh lagi," katanya.

Beliau turut mencadangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Berprofil Tinggi yang dianggotai Menteri Dalam Negeri, Peguam Negara, Ketua Polis Negara dan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

Katanya jawatankuasa itu akan menentukan sama ada seseorang yang melakukan kesalahan berkaitan perkara-perkara sensitif perlu ditahan lanjut tanpa bicara atau tidak.

"Jawatankuasa ini akan tentukan sama ada perlu tahanan dilanjutkan atau tak. Sebab kalau bawa ke mahkamah akan timbul masalah seperti tangguh bicara...makan masa...boleh ancam keselamatan negara," katanya.

Terdahulu sesi perbahasan kecoh seketika apabila beberapa anggota Parlimen bertikam lidah ekoran kenyataan Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) yang mereka anggap berbau hasutan.

Mereka menuntut supaya Mahfuz menarik semula tuduhannya semasa membahaskan rang undang-undang yang sama bahawa Pemuda Umno melakukan provokasi menghasut orang-orang Melayu untuk 'menghapuskan' kaum Cina di Kuala Lumpur semasa Operasi Lalang pada 1987.

Kenyataan itu dibidas oleh Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) yang mengatakan tuduhan Mahfuz itu tidak bertanggungjawab dan merupakan satu fitnah.

"Ini satu fitnah. Dia (Mahfuz) yang bangkitkan semangat perkauman," katanya.

Turut bangkit adalah Datuk Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau) dan Datuk Lilah Yasin (BN-Jempol) yang menjadikan suasana Dewan bertambah gamat sehingga mendesak campur tangan speaker, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

"Pokok Sena... yang jadi persoalan sama ada kenyataan itu kenyataan menghasut. Kalau Pokok Sena rasa betul, tak payah tarik balik. Tapi kalau perkataan itu dianggap menghasut, terpulang kepada pihak berkuasa ambil tindakan," katanya.

Mahfuz bagaimanapun enggan menarik semula kenyataannya itu kerana berpendapat ia tidak mempunyai niat menghasut.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617954>